

**Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) i) Nyatakan pengertian maksum. [2 Markah]  
ii) Terangkan **dua** kepentingan sifat maksum. [4 Markah]
- (b) Jelaskan **dua** cara wahyu diturunkan kepada Rasulullah SAW. [4 Markah]
- (c) Senaraikan **dua** contoh ilmu fardu kifayah. [2 markah]
- (d) Terangkan **dua** kelebihan wahyu berbanding dengan akal. [4 markah]
- (e) ALOR SETAR: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah hari ini mengesahkan menerima laporan mengenai penularan satu klip video yang dipercayai menyebarkan ajaran sesat di Pulau Tuba, Langkawi. Video yang tular di media sosial sejak seminggu lalu itu menunjukkan seorang lelaki dipercayai ‘Tok Guru’ mempersoalkan kewujudan Allah, syahadat serta rukun solat.

(Sumber: Bernama, 18 Oktober 2017)

Berdasarkan pernyataan di atas, Huraikan **dua** cara yang dapat anda [4 markah] lakukan untuk menghindarkan diri daripada ajaran tersebut.

- 2 (a) Jelaskan **dua** contoh syumuliyyah dalam bidang sosial. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah prinsip Waqi’iyyah boleh menyelesaikan masalah rumah tangga. [4 markah]
- (c) i) Jelaskan **dua** contoh sarwajagat dalam kehidupan [4 markah]  
ii) Senaraikan **empat** hak asasi yang dijamin Islam [4 markah]

Diriwayatkan dari Ibnu Umar bahawasanya Rasulullah S.A.W sembahyang di atas tunggangannya ke mana saja ia menghadap.

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

- (d) i) Apakah konsep yang sesuai dengan situasi di atas. [1 markah]  
ii) Jelaskan **tiga** kelebihan konsep tersebut. [3 markah]

3. (a) i) Senaraikan **empat** elemen penting dalam pembentukan Negara Islam. [4 markah]

As Syura merupakan salah satu prinsip Negara Islam.

[4 markah]

- ii) Terangkan **dua** cara mengaplikasikan prinsip ini dalam aktiviti kurikulum di sekolah.

- (b) Jelaskan **dua** etika hakim bagi memastikan setiap hukuman dan tindakannya adil dan saksama. [4 markah]
- (c) Huraikan **dua** implikasi ahli masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab sosial. [4 markah]

Ahmad merupakan hakim mahkamah tinggi yang akan membicarakan kes kesalahan rasuah yang melibatkan adiknya.

- (d) Sebagai seorang hakim apakah tindakan yang perlu dilakukan Ahmad bagi memastikan hukuman yang dijatuhkan adil. Bincangkan. [4 markah]

4. (a) i) Senaraikan **dua** golongan yang tidak layak menguruskan harta [2 markah]  
 ii) Jelaskan **dua** peranan harta yang boleh membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. [4 markah]

- (b) Jelaskan **dua** cara pengurusan harta menurut Islam [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** tuntutan bekerja dalam Islam. [4 markah]

Al-Saib Ibn Abi Said ra telah berkongsi perniagaan dengan Rasulullah SAW sebelum baginda dilantik menjadi rasul, semasa pembukaan Kota Mekah, Rasulullah SAW telah bersabda kepada Al-Saib " Selamat datang wahai rakan kongsiku yang budiman." (Riwayat Abu Daud)

[4 markah]

- (d) Berdasarkan kisah di atas, bagaimanakah kita dapat melaksanakan konsep muamalah tersebut dalam kehidupan sehari-hari. [2 markah]
- (e) Nyatakan **dua** matlamat muamalah Islam. [2 markah]

SULIT			5226/2
5	(a)	i) Senaraikan <b>empat</b> sumber perundangan Islam	[4 markah]
		ii) Jelaskan <b>dua</b> cara Islam mengajar umatnya untuk memelihara akal.	[4 markah]
	(b)	Jelaskan <b>dua</b> keperluan ijтиhad dalam perundangan Islam.	[4 markah]
	(c)	<p>“Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalaunya maka menjadilah ia penebus dosa baginya dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim”</p> <p>(Surah al Maidah: 45)</p>	
		i) Berdasarkan ayat di atas, nyatakan hukum jenayah tersebut.	[1 markah]
		ii) Jelaskan <b>tiga</b> kepentingan hukum jenayah tersebut.	[3 markah]
	(d)	Terangkan <b>dua</b> perbezaan antara hukum haram dan hukum makruh.	[4 markah]
6.	(a)	Terangkan <b>dua</b> amalan dalam menyelesaikan masaalah kehidupan manusia.	[4 Markah]
	(b)	i) Nyatakan <b>empat</b> bentuk jaminan keselamatan yang diberikan Islam kepada umatnya.	[4 Markah]
		ii) Jelaskan <b>dua</b> cara mewujudkan jaminan keselamatan.	[4 Markah]
		<p>KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) - Isu penggunaan ‘vape’ dalam kalangan pelajar sekolah nampaknya semakin membimbangkan apabila murid sekolah rendah juga kini dilapor telah mula berjinak-jinak menggunakan peranti rokok elektronik itu secara terbuka.</p> <p>(Sumber: Bernama Online, 14 Julai 2019)</p>	
	(c)	Berdasarkan pernyataan di atas, Bincangkan sebab berlakunya penggunaan rokok elektronik dalam kalangan pelajar.	[4 markah]
	(d)	Jelaskan <b>dua</b> cara Islam menjamin kecemerlangan pendidikan melalui akhlak.	[4 markah]

- 7 (a) i) Nyatakan konsep taubat dalam Islam. [2 markah]  
ii) Jelaskan **tiga** kepentingan taubat kepada pelaku kesalahan. [6 markah]
- (b) Huraikan **dua** cara pengurusan harta milik golongan yang tidak berkemampuan. [4 markah]
- (c) Kebebasan bersuara dan memberi pendapat merupakan hak asasi yang sering diperjuangkan. [4 markah]
- Setujukah anda jika kebebasan ini bersifat mutlak tanpa ada batasannya. Berikan **tiga** alasan.
- (d) Terangkan **dua** cara untuk mencapai matlamat perundangan Islam. [4 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**